KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2012

Diterbitkan dengan Perintah

KERAJAAN MALAYSIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA

SURAT PENYAMPAIAN

YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA

YAB. Dato' Sri,

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 yang telah diaudit untuk dibentang di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

Datuk Wan Selamah bt. Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia

22 OKTOBER 2013

JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrohim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam khususnya pihak pengurusan dan semua pegawai perkhidmatan perakaunan di Kementerian, Jabatan, Negeri dan Cawangan atas sumbangan, dedikasi dan komitmen yang telah diberikan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas kejayaan menghasilkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012 dengan sempurna dan bertepatan masa untuk diaudit serta dibentang di Parlimen dalam sesi anggaran belanjawan 2014. Kejayaan ini adalah hasil daripada sifat kesetiaan, integriti, akauntabiliti, mesra pelanggan, profesionalisme dan semangat kerja berpasukan semua pihak.

Dengan berakhirnya tahun 2012, kita hanya ada dua tahun sebelum pelaksanaan perakaunan akruan mulai tahun 2015. Ini akan memberi cabaran baru kepada seluruh penjawat awam khususnya warga JANM dalam mengubah haluan dan dimensi perakaunan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu,

amatlah perlu seluruh penjawat awam bersama-sama memikul cabaran transformasi ini. Transformasi ini merupakan respon JANM kepada inisiatif kerajaan dalam merencana Program Transformasi Kerajaan yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia bagi mencapai Wawasan 2020.

Pelaksanaan perakaunan akruan dalam amalan pengurusan kewangan sektor awam akan meletakkan Malaysia setanding dengan negara maju yang lain khususnya dalam konteks pengurusan kewangan fiskal yang cekap dan berhemah.

JANM akan terus memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan kerajaan khususnya dalam menyediakan maklumat kewangan yang lebih lengkap dan telus bagi membantu kerajaan mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.

Harapan saya Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus cemerlang dan menjadi kebanggaan seluruh warga JANM sepanjang masa.

Datuk Wan Selamah bt. Wan Sulaiman
Akauntan Negara Malaysia

22 Oktober 2013

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012 disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urus niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen bagi tahun kewangan 2012.

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.

Kandungan

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2012

RINGKASAN EKSEKUTIF

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

PENYATA KEWANGAN

21 Sijil Ketua Audit Negara

23 Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012

24 Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia

25 Penyata Kedudukan Kewangan

26-27 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

28 Penyata Prestasi Kewangan

29 Penyata Akaun Memorandum

30-42 Nota kepada Penyata Kewangan

LAMPIRAN KEPADA NOTA

45-185 Penyata Perbelanjaan Mengurus

187-217 Penyata Perbelanjaan Pembangunan

219-223 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut

225-230 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan

231-233 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun

LAMPIRAN

238-240 Perangkaan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2003 – 2012

241 Carta Organisasi Kementerian Kewangan Malaysia

242 Carta Organisasi Jabatan Akauntan Negara

RINGKASAN EKSEKUTIF

2012

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh hasil daripada polisi belanjawan 2012 yang telah dirangka dan dirancang bertemakan 'Dasar Transformasi Nasional : Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara' dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama iaitu :

Fokus Pertama
Meligat Pelaburan

Fokus Kedua
Mengungguli Modal Insan, Mencerna Kreativiti dan Mencetus Inovasi

Fokus Ketiga
Program Transformasi Luar Bandar

Fokus Keempat
Memperkejap Perkhidmatan Awam

Fokus Kelima
Meredakan Inflasi dan Mengimarah Kehidupan Rakyat

Belanjawan 2012 telah menyediakan peruntukan RM232. 8 bilion bagi melaksanakan semua rancangan pembangunan Kerajaan khususnya menumpukan kepada kesejahteraan rakyat. Daripada jumlah tersebut RM181.6 bilion adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan RM51.2 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Pada tahun 2012, hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM207,913 juta berbanding dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM205,537 juta, telah mencatatkan lebihan berjumlah RM2,376 juta dalam akaun semasa. Defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan telah menurun sedikit daripada 4.82% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 2011 kepada 4.48% dalam tahun 2012 disebabkan langkah perbelanjaan yang berhemat dan yang memberi nilai setimpal oleh Kerajaan.

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak RM4,889 juta kepada RM29,356 juta dalam tahun 2012 disebabkan peningkatan dalam terimaan yang berjumlah RM322,482 juta berbanding bayaran yang berjumlah RM317,593 juta.

Terimaan dalam tahun 2012 terdiri daripada kutipan hasil sebanyak RM203,908 juta, pinjaman dan bantuan luar negeri RM108,829 juta, terimaan modal RM2,608 juta dan terimaan amanah RM7,137 juta. Hasil Kerajaan sebanyak 63% merupakan komponen utama terimaan diikuti oleh pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 34% serta terimaan amanah dan terimaan modal sebanyak 3%.

Bayaran dalam tahun 2012 terdiri daripada RM199,666 juta untuk perbelanjaan mengurus, RM51,003 juta untuk perbelanjaan pembangunan termasuk pembayaran pembangunan di bawah Inisiatif dan Aktiviti Pembiayaan Swasta sebanyak RM4,071 juta, RM62,089 juta untuk pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri dan RM4,835 juta untuk pembelian modal dan pelbagai perbelanjaan amanah. Perbelanjaan mengurus pada 63% merupakan komponen utama pembayaran diikuti oleh pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 20%, perbelanjaan pembangunan termasuk pembiayaan di bawah Inisiatif dan Aktiviti Pembiayaan Swasta sebanyak 16% dan perbelanjaan modal serta pelbagai perbelanjaan amanah sebanyak 1%.

Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum hanya meliputi Pinjaman Boleh Tuntut RM95,493 juta dan Pelaburan RM27,194 juta manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam RM501,617 juta dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM276 juta.

Hutang Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 10% kepada RM501,617 juta dalam tahun 2012 yang terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM484,769 juta (97%) dan hutang luar negeri termasuk bantuan luar negeri berjumlah RM16,848 juta (3%). Walau bagaimanapun, hutang Kerajaan Persekutuan berada pada tahap yang boleh urus di mana bayaran perkhidmatan hutang bagi tahun 2012 adalah 9.5% daripada jumlah perbelanjaan mengurus.

Sorotan Sepanjang Tahun 2012

- 12% peningkatan Hasil kepada RM208 bilion, disokong oleh kutipan tinggi hasil cukai
- 13% peningkatan Perbelanjaan Mengurus kepada RM206 bilion
- 2% peningkatan dalam Perbelanjaan Pembangunan termasuk Pembiayaan di bawah Inisiatif dan Aktiviti Pembiayaan Swasta kepada RM51 bilion
- 20% pertumbuhan dalam aliran wang tunai kepada RM29 bilion
- 7% peningkatan dalam Pinjaman Boleh Dituntut kepada RM95 bilion
- 10% peningkatan dalam Hutang Kerajaan Persekutuan kepada RM502 bilion (53% KDNK)

Sekilas Pandang
Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Rajah 1

Kumpulan Wang Disatukan



* Peningkatan 13% (RM6.1 bilion) dalam Kumpulan Wang Disatukan berbanding tahun 2011.

Rajah 2

Wang Awam



* Peningkatan 20% (RM4.9 bilion) dalam Wang Tunai berbanding tahun 2011.
* Peningkatan 5% (RM1.2 bilion) dalam Pelaburan berbanding tahun 2011.

Rajah 3

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan



* Peningkatan 65% (RM12 bilion) dalam jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berbanding tahun 2011.

Rajah 4

Kumpulan Wang Pembangunan

* Peningkatan 59% (RM22 bilion) dalam jumlah terimaan berbanding tahun 2011.
* Peningkatan 1% (RM516 juta) dalam jumlah pembayaran berbanding tahun 2011.

Rajah 5

Kumpulan Wang Amanah Awam

* Peningkatan 54% (RM3 bilion) dalam jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam berbanding tahun 2011.

Rajah 6

Akaun Deposit



* Peningkatan 5% (RM464 juta) dalam jumlah Akaun Deposit berbanding tahun 2011.

Rajah 7

Hasil dan Belanja

* Peningkatan 13% (RM23 bilion) dalam Perbelanjaan Mengurus berbanding tahun 2011.
* Peningkatan 12% (RM22 bilion) dalam Hasil berbanding tahun 2011.

Rajah 8

Pecahan Perbelanjaan Mengurus



Rajah 9

Pecahan Hasil



Rajah 10

Terimaan dan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan

Rajah 11

Hutang Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tempoh 2008 Hingga 2012



Rajah 12

Nisbah Hutang Kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)



Rajah 13

Perbelanjaan Kerana Hutang Negara Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2012



Rajah 14

Akaun Belum Terima Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2012

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

2012

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) masing-masing bertanggungjawab bagi kutipan cukai langsung dan kutipan cukai tidak langsung. Cukai langsung meliputi cukai pendapatan individu dan syarikat, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai keuntungan hartanah. Cukai tidak langsung pula meliputi duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi. Hasil bukan cukai termasuk bayaran lesen dan permit, yuran perkhidmatan, jualan dan sewaan harta benda kerajaan, faedah dan pulangan ke atas pelaburan serta penalti dan denda. Terimaan bukan hasil pula meliputi pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Hasil Wilayah Persekutuan meliputi hasil cukai dan hasil bukan cukai yang dikutip di Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Prestasi Belanjawan

Belanjawan 2012 telah dirangka dengan memberi tumpuan kepada lima fokus utama iaitu Meligat Pelaburan, Mengungguli Modal Insan, Mencerna Kreativiti dan Mencetus Inovasi, Program Transformasi Luar Bandar, Memperkejap Perkhidmatan Awam dan Meredakan Inflasi dan Mengimarah Kehidupan Rakyat. Belanjawan tahun 2012 yang diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2011, memperuntukan RM181,584 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM51,249 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Parlimen telah kemudiannya membenarkan jumlah tambahan RM17,154 juta bagi perbelanjaan mengurus.

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2012 adalah RM252,470 juta (tidak termasuk RM2,376 juta yang dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 101% daripada peruntukan berjumlah RM249,987 juta (mengambilkira peruntukan tambahan RM17,154 juta). Daripada jumlah ini, perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM205,537 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM46,932 juta.

Perbelanjaan mengurus adalah termasuk perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan bekalan. Perbelanjaan tanggungan adalah berjumlah RM36,261 juta, iaitu 97% daripada jumlah peruntukan RM37,325 juta. Perbelanjaan bekalan berjumlah RM169,276 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 105% daripada jumlah peruntukan RM161,412 juta.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2012 berjumlah RM46,932 juta. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan adalah 92% daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini, perbelanjaan secara langsung adalah RM44,978 juta, manakala perbelanjaan pinjaman berjumlah RM1,954 juta.

PERAKAUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah sempurna disedia dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara

pada 28 Februari 2013. Ketua Audit Negara mengikut peruntukan Akta Audit 1957 [Akta 62] telah mengaudit Penyata Kewangan 2012 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 11 Jun 2013.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain dilaporkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dengan maklumat terperinci di Penyata Akaun Memorandum. **Carta 1** meringkaskan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

Carta 1

Kumpulan Wang Disatukan



WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM4,889 juta (20%) kepada RM29,356 juta pada 31 Disember 2012 berbanding RM24,467 juta pada 31 Disember 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM28,543 juta (97%) adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, RM810 juta (3%) adalah Wang Tunai Dalam Perjalanan dan sebanyak RM3 juta adalah Wang Tunai Dalam Tangan. **Jadual 1.1** menunjukan baki Wang Tunai Kerajaan Persekutuan. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Jadual 1.1
Wang Tunai Kerajaan Persekutuan

	2012 (RM)	2011 (RM)
Wang Tunai Dalam Bank	28,543,129,953	23,788,144,927
Wang Tunai Dalam Perjalanan	810,022,000	676,032,089
Wang Tunai Dalam Tangan	2,673,231	2,598,511
Jumlah Wang Tunai	29,355,825,184	24,466,775,527

Pelaburan

Pada 31 Disember 2012, jumlah pelaburan Kumpulan Wang Disatukan adalah RM24,049 juta. Pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM13,389 juta (56%) dan Pelaburan Am sebanyak RM10,660 juta (44%).

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM370 juta (3%) berbanding RM13,019 juta pada tahun 2011. Sumber kewangan pelaburan ini adalah dari lebihan akaun-akaun amanah.

Pelaburan Am meningkat sebanyak RM836 juta (8%) berbanding RM9,824 juta pada tahun 2011. Saham merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan Am iaitu 52%.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan disemak meningkat sebanyak RM21,388 juta atau 12% berbanding dengan anggaran asal sebanyak RM185,858 juta. Semua empat kategori utama hasil iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan masing-masing sebanyak RM17,923 juta, RM3,160 juta, RM225 juta dan RM80 juta. Hasil cukai disemak meningkat sebanyak 13% disumbangkan oleh cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan petroleum, dan cukai pendapatan individu yang masing-masing meningkat sebanyak RM6,580 juta, RM5,780 juta dan RM1,544 juta, iaitu 14%, 22% dan 7% lebih tinggi daripada anggaran asal 2012 berjumlah RM47,556 juta, RM26,182 juta dan RM20,901 juta. Peningkatan anggaran hasil disemak bagi hasil bukan cukai sebanyak RM3,160 juta atau 6% berbanding anggaran asal 2012 sebanyak RM50,227 juta pula disumbangkan oleh terimaan hasil daripada akaun premium sebanyak RM4,000 juta dan dividen tambahan daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM200 juta.

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 adalah berjumlah RM207,913 juta iaitu RM667 juta atau 0.3% lebih tinggi berbanding anggaran disemak berjumlah RM207,246 juta. Hasil cukai menyumbang sebanyak RM151,643 juta atau 73% daripada jumlah hasil keseluruhan manakala hasil bukan cukai pula menyumbang sebanyak RM54,909 juta atau 26% daripada jumlah hasil keseluruhan. Terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan masing-masing menyumbang sebanyak RM877 juta dan RM483 juta atau 1% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Pada tahun 2012, hasil cukai langsung mencatatkan rekod kutipan tertinggi iaitu RM116,937 juta berbanding RM102,242 juta yang dikutip pada tahun 2011. Cukai pendapatan kekal sebagai punca utama kepada hasil cukai langsung. Kutipan cukai pendapatan berjumlah RM110,662 juta dengan komponen utama terdiri daripada hasil cukai pendapatan syarikat sebanyak RM51,288 juta (25%), hasil cukai pendapatan petroleum sebanyak RM33,934 juta (16%) dan hasil cukai pendapatan individu sebanyak RM22,977 juta (11%) dalam tahun 2012. Kutipan hasil cukai pendapatan syarikat telah meningkat sebanyak 9% berbanding RM46,888 juta yang dikutip pada tahun 2011. Peningkatan kutipan cukai pendapatan syarikat adalah disebabkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada tahun 2012 dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 5.6%. Pulangan balik cukai pendapatan yang terlebih bayar juga telah meningkat kepada RM8,000 juta pada tahun 2012 berbanding RM7,400 juta pada tahun 2011.

Hasil cukai pendapatan individu telah menyumbang sebanyak RM22,977 juta atau 11% daripada jumlah hasil pada tahun 2012, iaitu 14% lebih tinggi berbanding tahun 2011. Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kenaikan gaji kakitangan awam serta pengemaskinian Potongan Cukai Berjadual (PCB) oleh majikan. Kutipan cukai pendapatan petroleum pula meningkat sebanyak RM6,186 juta atau 22% berbanding dengan RM27,748 juta yang dikutip pada tahun 2011 disebabkan oleh PETRONAS telah menukar tempoh kewangannya daripada tahun berakhir Mac kepada tahun berakhir Disember. Bagi komponen cukai langsung yang lain, kutipan duti setem adalah sebanyak RM5,595 juta, iaitu meningkat sebanyak 14% berbanding dengan RM4,929 juta yang dikutip pada tahun 2011 ekoran pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan telah menyumbang kepada pembangunan pasaran saham dan sektor hartanah. Kutipan cukai keuntungan hartanah turut meningkat kepada RM608 juta iaitu peningkatan sebanyak RM99 juta atau 19% berbanding tahun 2011.

Seperti kutipan cukai langsung, kutipan cukai tidak langsung juga mencatatkan rekod kutipan yang tinggi iaitu sebanyak RM34,706

juta, meningkat sebanyak RM2,063 juta atau 6% berbanding RM32,643 juta yang dikutip pada tahun 2011. Kutipan duti import meningkat sebanyak 13% kepada RM2,282 juta disumbangkan oleh peningkatan permintaan ke atas kenderaan penumpang. Kutipan duti eksais dan cukai jualan meningkat sebanyak 6% dan 11% masing-masing kepada RM12,187 juta dan RM9,496 juta berbanding kutipan tahun 2011. Peningkatan kutipan duti eksais dan cukai jualan ini juga disumbangkan oleh peningkatan permintaan ke atas kenderaan penumpang iaitu sebanyak 552,189 unit telah dijual pada tahun 2012 berbanding 535,113 unit pada tahun 2011. Kutipan cukai perkhidmatan meningkat sebanyak 12% kepada RM5,583 juta pada tahun 2012 berbanding RM4,982 juta pada tahun 2011 disebabkan oleh peningkatan kutipan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan telekomunikasi. Selain itu, kutipan pelbagai cukai tidak langsung turut meningkat sebanyak 4% kepada RM2,638 juta pada tahun 2012 berbanding RM2,540 juta pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, kutipan duti eksport menurun sebanyak 5% kepada RM1,968 juta ekoran penurunan kuantiti minyak mentah kepada 11.86 juta tan yang dieksport pada tahun 2012 berbanding 12.68 juta tan yang dieksport pada tahun 2011. Kutipan levi pula menurun sebanyak 40% kepada RM552 juta disebabkan oleh penurunan harga minyak kelapa sawit (CPO) kepada purata RM2,517 satu tan metrik pada tahun 2012 berbanding RM3,219 satu tan metrik pada tahun 2011.

Pada tahun 2012, kutipan hasil bukan cukai meningkat sebanyak 11% kepada RM54,909 juta berbanding RM49,423 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan kutipan ke atas royalti petroleum, lesen kenderaan bermotor, levi ke atas pekerja asing, faedah dan perolehan daripada pelaburan serta peningkatan hasil daripada aktiviti carigali minyak dan gas oleh Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA). Kutipan hasil daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit meningkat sebanyak 21% kepada RM13,570 juta berbanding RM11,190 juta pada tahun 2011. Penyumbang utama adalah kutipan royalti petroleum, levi ke atas pekerja asing dan lesen kenderaan bermotor iaitu sebanyak RM6,423 juta, RM2,618 juta dan RM2,283 juta masing-masing. Hasil daripada perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan menurun kepada RM1,218 juta berbanding RM1,321 juta pada tahun 2011 disebabkan oleh penurunan kutipan bayaran mahkamah. Di samping itu, perolehan dari jualan barang meningkat dengan mendadak sebanyak 495% kepada RM637 juta berbanding RM107 juta pada tahun 2011 disumbangkan oleh hasil daripada jualan tanah. Selain itu, kutipan hasil daripada faedah dan perolehan daripada pelaburan turut meningkat sebanyak 8% kepada RM36,736 juta berbanding RM34,005 juta pada tahun 2011 disumbangkan oleh terimaan hasil daripada akaun premium dan dividen khas daripada Khazanah Nasional Berhad. Terimaan bukan hasil meningkat sebanyak 61% kepada RM877 juta berbanding RM544 juta pada tahun 2011 disumbangkan oleh peningkatan terimaan balik bayaran tahun-tahun lalu. Manakala hasil daripada Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya menurun sebanyak 15% kepada RM483 juta berbanding RM567 juta pada tahun 2011 disebabkan oleh penurunan kutipan ke atas premium dan cukai tanah.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan. Carta 2** menggambarkan aliran pertumbuhan hasil bagi tempoh lima tahun yang lalu manakala **Jadual 2.1** meringkaskan Hasil Kerajaan Persekutuan.

Carta 2

Hasil Kerajaan Persekutuan



Jadual 2.1
Hasil Kerajaan Persekutuan

Perihal	2012 (RM)	2011 (RM)	Perubahan %
HASIL CUKAI			
CUKAI LANGSUNG			
Cukai Pendapatan	110,661,650,993	96,732,281,191	14.4%
Cukai Langsung Yang Lain	6,275,704,263	5,509,324,333	13.9%
Jumlah Cukai Langsung	**116,937,355,256**	**102,241,605,524**	**14.4%**
CUKAI TIDAK LANGSUNG			
Duti Kastam - Eksport	1,968,396,260	2,080,732,769	(5.4%)
Duti Kastam - Import	2,282,000,986	2,026,228,194	12.6%
Duti Eksais	8,420,127,876	8,414,785,217	0.06%
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	5,357,975,074	4,994,746,125	7.3%
Cukai Jualan atas Barangan Import	4,137,589,354	3,582,702,613	15.5%
Cukai Perkhidmatan	5,583,156,285	4,981,640,919	12.1%
Levi	552,077,479	919,424,973	(39.9%)
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	3,766,622,774	3,102,383,919	21.4%
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,637,788,919	2,540,583,920	3.8%
Jumlah Cukai Tidak Langsung	**34,705,735,007**	**32,643,228,649**	**6.3%**
Jumlah Hasil Cukai	**151,643,090,263**	**134,884,834,173**	**12.4%**
HASIL BUKAN CUKAI			
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	13,570,060,603	11,190,355,535	21.3%
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	36,736,102,089	34,005,201,925	8%
Lain-lain	4,603,164,862	4,227,488,096	8.9%
Jumlah Hasil Bukan Cukai	**54,909,327,554**	**49,423,045,556**	**11.1%**
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	**876,912,254**	**544,133,845**	**61.2%**
Jumlah Hasil Wilayah Persekutuan	**483,424,598**	**566,906,169**	**(14.7%)**
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN	**207,912,754,669**	**185,418,919,743**	**12.1%**

Perbelanjaan Mengurus

Jumlah anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan disemak lebih tinggi sebanyak 9% berbanding anggaran asal iaitu RM181,584 juta pada tahun 2012.

Perbelanjaan Mengurus 2012 adalah berjumlah RM205,537 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM2,376 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap, iaitu subsidi, pemberian kepada kerajaan negeri dan badan berkanun, bayaran hutang negara, pencen dan ganjaran, emolumen iaitu gaji dan elaun anggota perkhidmatan awam dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan, sewaan dan kos-kos operasi lain.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM36,261 iaitu 18% daripada jumlah perbelanjaan mengurus 2012. Sebahagian besar perbelanjaan tanggungan ini adalah terdiri daripada perbelanjaan kerana membayar Hutang Negara, itu sebanyak RM19,537 juta yang merupakan 54% daripada jumlah perbelanjaan tanggungan.

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM169,276 juta (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 82% daripada perbelanjaan mengurus 2012. Perkhidmatan Am Perbendaharaan, iaitu sejumlah RM41,646 juta mencatat perbelanjaan tertinggi diikuti Kementerian Pelajaran iaitu sejumlah RM36,286 juta.

Dari segi penjenisan perbelanjaan mengurus, RM60,016 juta atau 29% adalah untuk emolumen, RM31,962 juta (15%) untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM1,770 juta (1%) untuk aset, RM110,323 juta (54%) untuk pemberian dan kenaan bayaran tetap (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan RM2,376 juta) dan RM1,466 juta (1%) untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Bayaran emolumen telah meningkat sebanyak 20% kepada RM60,016 juta berbanding dengan RM50,148 juta bagi tahun 2011. Kenaikan ini adalah disebabkan kenaikan gaji antara 7% hingga 13%, kenaikan pelbagai kadar elaun, Bayaran Khas Prestasi dan kenaikan pergerakan gaji tahunan.

Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan meningkat sebanyak 10% kepada RM31,963 juta berbanding dengan perbelanjaan sejumlah RM28,949 juta dalam 2011. Perbelanjaan dalam kategori ini adalah untuk perbelanjaan penyelengaraan, sewaan, kerja-kerja pembaikan, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan pos serta perbelanjaan bekalan pejabat dan bahan mentah.

Perbelanjaan perolehan aset yang merupakan 1% daripada perbelanjaan mengurus telah

menunjukkan penurunan sebanyak 33% iaitu daripada RM2,665 juta dalam tahun 2011 kepada RM1,770 juta dalam tahun 2012. Sebahagian besar daripada perbelanjaan adalah untuk pembelian peralatan, kerja-kerja pembaikan bangunan dan kemudahan serta pembelian kenderaan bagi jabatan-jabatan kerajaan.

Perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap terus merupakan komponen perbelanjaan mengurus yang terbesar. Pemberian termasuk subsidi, bantuan dan insentif, pemberian kepada kerajaan negeri serta badan berkanun berjumlah RM73,378 juta (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan), manakala perbelanjaan bagi faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negara yang lain berjumlah RM20,673 juta. Bayaran pencen dan ganjaran pula berjumlah RM12,579 juta diikuti dengan bayaran bagi biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran yang berjumlah RM3,012 juta. Selain itu, termasuk dalam pemberian dan kenaan bayaran tetap adalah tuntutan insurans dan pampasan berjumlah RM673 juta. Perbelanjaan mengurus yang lain bagi tahun 2012 berjumlah RM1,466 juta.

Carta 3 meringkaskan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

Carta 3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus.**

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Kerajaan Persekutuan terus memberi tumpuan kepada sumber domestik dalam membuat pinjaman. Pinjaman yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk membiayai defisit dalam perbelanjaan pembangunan dan juga bagi pembayaran balik sekuriti hutang yang matang. Pada tahun 2012, sejumlah RM108,274 juta pinjaman telah dibuat melalui pasaran dalam negeri berbanding RM107,222 juta pada tahun 2011. Jumlah pinjaman pasaran dalam negeri adalah terdiri daripada terbitan Bil Perbendaharaan (BP) sebanyak RM6,530 juta, terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) sebanyak RM54,244 juta, pengeluaran Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) sebanyak RM42,000 juta dan sebanyak RM5,500 juta bagi Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK). Selepas mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM61,530 juta iaitu RM6,530 juta (BP), RM39,807 juta (SKM), RM8,500 juta (TPK), RM4,593 juta (Sukuk) dan RM2,100 juta bagi SPPK, jumlah pinjaman bersih dalam negeri bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM46,744 juta berbanding RM47,669 juta pada tahun 2011.

Bagi pinjaman luar negeri, tiada pinjaman di pasaran modal antarabangsa dicatatkan pada tahun 2012. Bantuan luar negeri bagi pinjaman projek pula berjumlah RM684 juta berbanding RM508 juta pada tahun 2011. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 6, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pinjaman Dalam Negeri

Sepanjang tahun 2012, BP yang dikeluarkan telah digunakan bagi membiayai bil yang matang berjumlah RM6,530 juta. Oleh itu, tiada dana bersih diperoleh daripada pengeluaran BP bagi tahun 2012.

Pengeluaran TPK adalah bagi memenuhi permintaan terhadap kertas kerajaan berdasarkan prinsip Islam, selain sebagai langkah mengawal lebihan kecairan dalam sistem kewangan. Pada tahun 2012, sejumlah RM42,000 juta TPK telah diterbitkan yang membolehkan Kerajaan memperoleh dana bersih sebanyak RM33,500 juta. Pada tahun 2011, sebanyak RM36,000 juta TPK telah diterbitkan dengan dana bersih berjumlah RM28,500 juta.

SKM terus menjadi sumber utama pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan, merangkumi 50% daripada jumlah pinjaman dalam negeri kasar pada tahun 2012 berbanding 53% pada tahun 2011. Daripada RM54,244 juta SKM yang dikeluarkan dalam tahun 2012, sebanyak RM39,807 juta digunakan untuk menebus SKM yang matang pada tahun tersebut. Dengan mengambil kira penebusan ini, SKM mencatatkan pinjaman bersih sebanyak RM14,437 juta berbanding RM16,721 juta dalam tahun 2011.

Pinjaman untuk membiayai operasi SPPK adalah berjumlah RM5,500 juta pada tahun 2012 berbanding RM7,100 juta dalam tahun 2011. Setelah mengambil kira bayaran balik SPPK sebanyak RM2,100 juta, pinjaman bersih bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM3,400 juta berbanding RM2,600 juta pada tahun 2011.

TPK dilaksanakan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dan SKM di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]. Pada masa kini, nilai siling di bawah kedua-dua akta tersebut adalah tidak lebih daripada 55% daripada jumlah KDNK.

Pinjaman Luar Negeri

Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal peningkatan hutang luar negeri bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2012, pinjaman luar negeri kasar adalah daripada bantuan luar negeri berjumlah RM684 juta. Pinjaman ini dibuat melalui pengeluaran pinjaman projek sedia ada daripada sumber dua hala dan pelbagai hala. Dengan mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM697 juta, pinjaman luar negeri bersih mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM13 juta.

Pinjaman Luar Negeri dilaksanakan berdasarkan kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]. Pada masa kini, nilai siling di bawah akta tersebut adalah RM35 bilion. **Carta 4** menunjukkan pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

Carta 4

Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan



AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Pada tahun 2012, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukan baki kredit sebanyak RM12,637 juta berbanding baki debit RM3,462 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan oleh penurunan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan daripada baki defisit RM55,235 juta pada tahun 2011 kepada baki defisit RM43,825 juta pada tahun 2012.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Carta 5 menunjukan jumlah baki Akaun Amanah Disatukan mengikut kategori bagi tempoh 2 tahun.

Carta 5

Baki Akaun Amanah Disatukan Mengikut Kategori



Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan; dan
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] untuk tujuan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2012, terdapat peningkatan dalam lebihan semasa kumpulan wang ini kepada RM11,410 juta berbanding dengan kurangan semasa RM9,739 juta pada tahun 2011. Ini disebabkan dalam tahun 2012, terdapat pindahan baki TPK dibuat ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM28,500 juta berbanding RM15,500 pindahan baki TPK dalam tahun 2011. Ini secara langsung telah meningkatkan terimaan kumpulan wang kepada RM58,343 juta berbanding RM36,678 juta tahun 2011. Selain itu, perbelanjaan pembangunan meningkat sedikit sebanyak 1% kepada RM46,932 juta dalam tahun 2012 berbanding RM46,416 juta dalam tahun 2011. Kurangan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan penurunan sebanyak 21% kepada RM43,825 juta dalam tahun 2012 berbanding dengan RM55,235 juta tahun 2011.

Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM2,376 juta pada tahun 2012 berbanding dengan pindahan sejumlah RM2,825 juta pada tahun 2011. Jumlah pindahan ini merupakan lebihan hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tahun semasa.

Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM53,332 juta adalah termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM14,437 juta yang merupakan punca pembiayaan utama Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 2012 berbanding dengan RM32,770 juta pada tahun 2011.

Terimaan balik pinjaman berjumlah RM1,085 juta adalah termasuk pelarasan pinjaman Perbadanan Aset Keretapi, Pinjaman Luar Negeri dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara sebanyak RM27 juta berbanding dengan penukaran pinjaman kepada ekuiti sebanyak RM216 juta pada tahun 2011. Tiada pelarasan terimaan pada tahun 2012. Selain itu, lain-lain terimaan yang terdiri daripada pelbagai terimaan hasil jualan aset modal yang diperoleh melalui perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara sebanyak RM1,519 juta berbanding tahun 2011. Pelbagai terimaan bagi tahun 2012 adalah terimaan modal berjumlah RM1,500 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2012 berjumlah RM46,932 juta. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan adalah 92% daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini, perbelanjaan cara langsung adalah RM44,978 juta, manakala perbelanjaan pinjaman berjumlah RM1,954 juta.

Perbelanjaan pembangunan cara langsung telah meningkat sebanyak 0.1% kepada RM44,978 juta bagi tahun 2012 berbanding dengan RM44,917 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan Pembangunan cara pinjaman kepada agensi sektor awam daripada Kumpulan Wang Pembangunan juga meningkat sebanyak 30% kepada RM1,954 juta pada tahun 2012 berbanding dengan RM1,499 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan Kementerian telah mula melaksanakan projek dan program pada tahun kedua mengikut perancangan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10). Kementerian dengan perbelanjaan yang besar adalah Jabatan Perdana Menteri (RM7,501 juta), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (RM7,044 juta), Kementerian Pengangkutan (RM4,150 juta), Kementerian Kerja Raya (RM3,736 juta), Kementerian Pelajaran (RM3,552 juta), Kementerian Pertahanan (RM2,766 juta) dan Kementerian Pengajian Tinggi (RM2,249 juta).

Dari segi penjenisan perbelanjaan mengikut sektor, perbelanjaan bagi sektor ekonomi berjumlah RM28,937 juta atau 62% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2012. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini di bawah sub sektor pengangkutan, tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, perdagangan dan perindustrian, kewangan dan pemuliharaan alam sekitar iaitu masing-masing berjumlah RM10,065 juta, RM5,519 juta, RM5,043 juta, RM2,361 juta, dan RM2,483 juta.

Perbelanjaan bagi sektor sosial berjumlah RM12,399 juta atau 26% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2012. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah bagi perbelanjaan subsektor pendidikan dan latihan RM7,550 juta, kesihatan RM1,864 juta, majlis tempatan RM1,044 juta dan perumahan RM524 juta.

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan yang berjumlah RM4,409 juta merupakan 9% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan 2012. Sebanyak RM3,589 juta daripadanya merupakan perbelanjaan subsektor pertahanan untuk pembinaan kemudahan dan pembelian peralatan bagi tentera darat, laut dan udara. Perbelanjaan subsektor keselamatan dalam negeri yang berjumlah RM820 juta adalah untuk menampung perbelanjaan bagi agensi yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri seperti polis, imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan penjara.

Perbelanjaan bagi sektor pentadbiran am berjumlah RM1,187 juta atau 3% daripada perbelanjaan pembangunan 2012. Perbelanjaan ini termasuklah perkhidmatan bagi jabatan-jabatan kerajaan, pembaikan dan pengunahsuaian, kemudahan asas bangunan, kelengkapan dan perkhidmatan komputer di jabatan-jabatan kerajaan.

Carta 6 meringkaskan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan.**

Carta 6

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK) yang dibiayai oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) adalah tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42]. Ia menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada Anggota Pentadbiran Persekutuan, Ahli-Ahli Parlimen, Anggota Pentadbiran Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Tinggi, Pegawai-Pegawai Awam Am dan Anggota Pasukan Polis dan Tentera.

Pada 31 Disember 2012, baki kumpulan wang adalah RM1,516 juta berbanding dengan baki RM1,908 juta pada akhir tahun 2011. Untuk tahun 2012, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM4,736 juta manakala pengeluaran wang pinjaman adalah sebanyak RM6,489 juta. **Carta 7** menunjukkan ringkasan jumlah kutipan bayaran balik dan pengeluaran wang pinjaman bagi tempoh 2008 - 2012.

Pada tahun 2012, KWPP menerima tambahan dana berjumlah RM5,500 juta melalui pinjaman luar dan penerbitan sukuk dengan bank-bank komersial, manakala bayaran balik pinjaman luar berjumlah RM2,100 juta. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terbahagi kepada lima kategori utama iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Sejumlah 176 akaun telah diuruskan pada tahun 2012. Baki Kumpulan Wang telah mencatatkan peningkatan dari RM34,555 juta pada tahun 2011 kepada RM35,752 juta pada tahun 2012. **Carta 8** menunjukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori akaun bagi tahun 2012. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Carta 7

Kutipan Bayaran Balik Pinjaman dan Pengeluaran Pinjaman Bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan



Carta 8

Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Mengikut Kategori Akaun



Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan amanah khas yang diperuntukkan di bawah akta yang berkaitan, selain Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi mengakaunkan wang yang diterima bagi maksud tertentu.

Pada tahun 2012, sebanyak 305 akaun Kumpulan Wang Amanah Awam telah diselenggarakan oleh kementerian dan jabatan dengan baki berjumlah RM9,740 juta. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada amanah khas dan amanah am. Pecahan kumpulan wang mengikut amanah khas dan amanah am ialah sebanyak RM638 juta dan RM9,102 juta masing-masing berbanding RM618 juta dan RM5,702 juta tahun 2011. Peningkatan RM3,400 juta dalam amanah am adalah disebabkan sebahagian besar oleh tambahan dalam Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta sebanyak RM3,282 juta dalam tahun 2012.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Wang Deposit

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Pada tahun 2012, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan telah meningkat sebanyak 5% kepada RM9,454 juta berbanding RM8,990 juta pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, sebanyak RM9,155 juta (97%) merupakan Deposit Am, manakala sebanyak RM299 juta (3%) adalah Deposit Pelarasan.

Carta 9 menunjukan baki Akaun Deposit mengikut kategori bagi tahun 2012. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Carta 9

Baki Akaun Deposit Mengikut Kategori

Tahun 2012 (RM Juta)



PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Kerajaan Persekutuan mencatatkan peningkatan wang tunai sebanyak RM4,889 juta pada tahun 2012, berikutan peningkatan jumlah terimaan (RM322,482 juta) berbanding jumlah bayaran (RM317,593 juta). Wang tunai pada 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM29,356 juta. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan ditunjukkan dalam **Jadual 3.1.**

Jumlah terimaan sebanyak RM322,482 juta adalah terdiri daripada Hasil berjumlah RM203,908 juta (63%), Pinjaman Dalam Negeri dan Luar Negeri berjumlah RM108,145 juta (34%), Bantuan Luar Negeri berjumlah RM684 juta (0.2%), Terimaan Modal berjumlah RM2,608 juta (0.8%) dan Terimaan Amanah berjumlah RM7,137 juta (2%).

Jadual 3.1
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	RM juta
TERIMAAN	
Hasil	203,908
Pinjaman	108,145
Bantuan Luar Negeri	684
Terimaan Modal	2,608
Terimaan Amanah	7,137
Jumlah Terimaan	322,482
BAYARAN	
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	(199,666)
Perbelanjaan Pembangunan	(46,932)
Pinjaman	(61,404)
Bantuan Luar Negeri	(686)
Perbelanjaan Modal	(1,206)
Perbelanjaan Amanah	(7,699)
Jumlah Pembayaran	(317,593)
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	4,889
Wang Tunai pada 1 Januari	24,467
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	4,889
Wang Tunai pada 31 Disember	29,356

Daripada jumlah Hasil tahun 2012 yang diterima, RM151,643 juta (74%) adalah daripada hasil cukai, RM50,909 juta (25%) merupakan hasil bukan cukai, RM872 juta (0.4%) merupakan terimaan bukan hasil dan RM483 juta (0.2%) pula merupakan hasil Wilayah Persekutuan.

Jumlah terimaan Pinjaman Kerajaan Persekutuan termasuk Bantuan Luar Negeri bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM108,829 juta. Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM108,145 juta (99%) manakala Bantuan Luar Negeri adalah terdiri daripada Pinjaman Multilateral berjumlah RM91 juta dan Pinjaman Bilateral berjumlah RM593 juta (1%).

Terimaan Modal sebanyak RM2,608 juta diperolehi daripada terimaan balik pinjaman iaitu RM1,059 juta (41%), terimaan balik pendahuluan berjumlah RM29 juta (1%) dan pelbagai terimaan adalah sebanyak RM1,520 juta (58%). Terimaan Amanah berjumlah RM7,137 juta pula adalah terdiri daripada Inisiatif Pembiayaan Swasta sebanyak RM2,137 juta (30%) dan Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta sebanyak RM5,000 juta (70%).

Jumlah bayaran Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012 adalah RM317,593 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah Perbelanjaan Mengurus RM199,666 juta (63%), manakala Perbelanjaan Pembangunan pula berjumlah RM46,932 juta (15%).

Bagi tahun 2012, bayaran balik Pinjaman berjumlah RM61,404 juta (19%) dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM686 juta (0.2%). Bayaran balik Pinjaman adalah bayaran pinjaman dalam negeri manakala Bantuan Luar Negeri pula terdiri daripada pinjaman multilateral (RM95 juta) dan pinjaman bilateral (RM590 juta).

Perbelanjaan modal dan bayaran amanah pula masing-masing menyumbang kepada 0.4% atau RM1,206 juta dan 2% atau RM7,699 juta dari keseluruhan bayaran Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan modal adalah terdiri daripada pembelian instrumen kewangan manakala bayaran amanah adalah terdiri daripada bayaran Inisiatif Pembiayaan Swasta sebanyak RM2,353 juta, bayaran Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta berjumlah RM1,718 juta dan pelbagai bayaran amanah berjumlah RM3,628 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut dan pelaburan, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang awam dan pelbagai liabiliti.

ASET

Pinjaman Boleh Dituntut

Aset kewangan Kerajaan Persekutuan adalah termasuk baki pinjaman belum selesai boleh dituntut oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Yayasan atau pun Pertubuhan. Pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah bagi sektor di bawah dasar pembangunan negara bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat atau bidang yang dikenalpasti berupaya menjana ekonomi bagi pembangunan negara. Selain daripada itu, kemudahan pinjaman kepada penjawat awam iaitu pinjaman perumahan, pembiayaan komputer dan pinjaman kenderaan juga merupakan aset kewangan kerajaan iaitu baki pinjaman belum selesai boleh dituntut dari peminjam Perseorangan.

Baki pinjaman belum selesai boleh dituntut Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2012 adalah sebanyak RM95,493 juta, iaitu peningkatan sebanyak 7% berbanding RM88,838 juta pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM36,566 juta (38%) adalah baki pinjaman belum selesai peminjam Perseorangan, RM25,526 juta (27%) Syarikat, RM15,722 juta (16%) Kerajaan Negeri, RM14,027 juta (15%) Badan Berkanun, RM2,952 juta (3%) Pelbagai Yayasan, Pertubuhan dan Agensi, RM503 juta (0.5%) Pihak Berkuasa Tempatan dan selebihnya RM197 juta (0.2%) Koperasi. Kedudukan baki pinjaman belum selesai boleh dituntut bagi tahun 2012 adalah seperti di **Carta 10.**

Kedudukan baki pinjaman belum selesai boleh dituntut bagi tempoh 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1** dan **Carta 11.**

Pengeluaran tunai bagi pinjaman yang diluluskan dan telah dimuktamadkan perjanjian juga memenuhi syarat ditetapkan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM2,451 juta. Jumlah ini adalah berkurangan sebanyak RM212 juta atau 8% daripada RM2,663 juta pada tahun 2011. Bagi tahun 2012, pengeluaran pinjaman yang terbesar (tidak termasuk keluaran pinjaman untuk

Carta 10

Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Persekutuan



Jadual 4.1
Pinjaman Boleh Dituntut

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012
Pinjaman Boleh Dituntut (RM' juta)	68,505	73,383	82,319	88,838	95,493

Carta 11

Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Persekutuan



perseorangan) adalah kepada Syarikat sebanyak RM827 juta (34%) diikuti oleh Badan Berkanun sebanyak RM792 juta (32%) dan Kerajaan Negeri sebanyak RM639 juta (26%).

Perbandingan jumlah Pengeluaran Pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di **Carta 12.**

Carta 12

Pengeluaran Pinjaman Kerajaan Persekutuan



Bayaran balik pinjaman 2012 pula telah bertambah sebanyak RM355 juta atau 36% kepada RM1,330 juta daripada RM975 juta pada tahun 2011. Bayaran balik pinjaman yang terbesar (tidak termasuk bayaran balik pinjaman untuk perseorangan) adalah daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM527 juta (40%) diikuti oleh Badan Berkanun sebanyak RM373 juta (28%) dan Syarikat sebanyak RM345 juta (26%).

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut**. Perbandingan jumlah Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti **Carta 13.**

Carta 13

Jumlah Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan tahun 2011 dan 2012



Pelaburan

Pelaburan terdiri daripada pelaburan di dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Pada tahun 2012, pelaburan mencatatkan penurunan sebanyak 6% iaitu daripada RM28,834 juta dalam tahun 2011 kepada RM27,194 juta dalam tahun 2012.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 8(b), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.**

LIABILITI

Hutang Awam

Bagi membiayai sebahagian perbelanjaan Negara, Kerajaan Persekutuan memperoleh dana melalui pinjaman dalam dan luar negeri serta Bantuan Luar Negeri. Instrumen utama pinjaman dalam negeri adalah Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Bantuan Luar Negeri

pula diperolehi dari dua (2) institusi pembiaya pembangunan utama iaitu Bank Pembangunan Asian dan Bank Pembangunan Islam bagi membiayai projek yang berupaya menjana ekonomi, memberi impak pembangunan dan meningkatkan kemajuan sosial masyarakat. Selain daripada itu dana bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada masa ini adalah terutamanya dari pinjaman langsung dari insitusi kewangan dan bank tempatan.

Hutang Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM501,617 juta, iaitu peningkatan sebanyak 10% berbanding RM456,128 juta pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM494,821 juta (99%) merupakan jumlah pinjaman dan RM6,796 juta (1%) lagi adalah jumlah bantuan luar negeri.

Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Carta 14.**

Pinjaman Dalam Negeri bagi tahun berakhir 2012 adalah terutamanya dari Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu sebanyak RM292,150 juta (60%), Terbitan Pelaburan Kerajaan RM143,500 juta (30%), pinjaman langsung bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan RM42,400 juta (9%) dan selebihnya Sukuk dan Bil Perbendaharaan RM6,719 juta (1%). **Carta 15** memberi gambaran ringkas kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan dari sumber pinjaman dalam negeri bagi tahun 2012 dan 2011.

Carta 14

Kedudukan Hutang Awam



Carta 15

Pinjaman Dalam Negeri



Pinjaman Pasaran Luar Negeri yang diperolehi dari terbitan sukuk adalah berjumlah RM10,052 juta pada akhir 2012. Nilai perbandingan bagi akhir 2011 adalah RM10,403 juta.

Bantuan Luar Negeri pula berjumlah RM6,795 juta terdiri daripada Pinjaman Bilateral sebanyak RM6,083 juta dan Pinjaman Mutilateral sebanyak RM712 juta. Pada akhir 2011, jumlah Pinjaman Bilateral adalah sebanyak RM6,962 juta dan Pinjaman Multilateral berjumlah RM738 juta menjadikan keseluruhan Bantuan Luar Negeri adalah sebanyak RM7,700 juta. Kesemua hutang belum selesai dari sumber luar negeri telah ditukar ke nilai persamaan Ringgit Malaysia pada 31 Disember 2012. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 9(a), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti pada 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM275.6 juta berbanding RM241.5 juta pada tahun 2011. Pelbagai liabiliti adalah terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat.

Nota Kena Bayar merupakan nota janji kepada Pertubuhan atau Institusi Kewangan Antarabangsa. Nota janji ini akan dibuat pembayaran secara berperingkat mengikut tempoh tertentu seperti mana yang dipersetujui. Sehingga akhir tahun kewangan 2012, nota janji yang belum dibayar adalah berjumlah RM238.8 juta.

Sekuriti Tak Dituntut adalah sekuriti yang diserahkan kepada Akauntan Negara Malaysia apabila syarikat atau pemegang amanah gagal mengesan pemegang saham dalam tempoh tertentu menurut peruntukan Seksyen 65 Akta Pemegang Amanah 1949, Seksyen 36 Akta Syarikat Amanah 1949 dan Seksyen 353 Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun kewangan 2012, Sekuriti Tak Dituntut adalah berjumlah RM22.5 juta.

Akaun Depositori Pusat (CDS) merujuk kepada sekuriti yang dikreditkan ke dalam akaun CDS Kementerian Kewangan Malaysia setelah pemunya benefisial gagal mendepositkan sekuritinya ke dalam akaun CDS dalam tempoh yang telah ditetapkan menurut peruntukan Seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (SICDA). Sehingga akhir tahun kewangan 2012, Akaun Depositori Pusat yang belum dibayar adalah berjumlah RM14.2 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 9(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 10, Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun.**

PENYATA KEWANGAN

2012

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak Berkuasa Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan ini telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2012, hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

11 Jun 2013

Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

- WANG AWAM
  - Wang Tunai
  - Pelaburan
- KUMPULAN WANG DISATUKAN
  - Akaun Hasil Disatukan
  - Akaun Pinjaman Disatukan
  - Akaun Amanah Disatukan

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

- MEMORANDUM ASET
  - Pinjaman Boleh Dituntut
  - Pelaburan
- MEMORANDUM LIABILITI
  - Hutang Awam
  - Pelbagai Liabiliti

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan

b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2012.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2012.

DATO' SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
27 Februari 2013

DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia
27 Februari 2013

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2012

	Nota	2012	2011
		RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	29,355,825,184	24,466,775,527
PELABURAN	4	24,049,136,708	22,843,463,212
		53,404,961,892	**47,310,238,739**
DIPEGANG BAGI :			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	28,904,795,292	38,909,479,613
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	12,637,039,514	(3,462,367,960)
		53,404,961,892	**47,310,238,739**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

	Nota	2012		2011	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	**5**				
Hasil Cukai		151,643,090,263		134,884,834,173	
Hasil Bukan Cukai		50,909,327,554		49,423,045,556	
Terimaan Bukan Hasil		872,220,870		544,133,845	
Hasil Wilayah Persekutuan		483,424,598	203,908,063,285	566,906,169	185,418,919,743
Pinjaman	**6**				
Dalam Negeri		108,145,229,672		107,091,588,179	
Luar Negeri		–	108,145,229,672	5,960,800,000	113,052,388,179
Bantuan Luar Negeri	**6**				
Pinjaman Multilateral		91,016,051		33,518,605	
Pinjaman Bilateral		592,519,054	683,535,105	474,214,046	507,732,651
Terimaan Modal	**7**				
Terimaan Balik Pinjaman		1,058,991,393		833,191,934	
Terimaan Balik Pendahuluan		29,400,000		–	
Jualan Aset Modal		89,869		91,433	
Pelbagai Terimaan Modal		1,519,509,321	2,607,990,583	133,387	833,416,754
Terimaan Amanah	**7**				
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		2,136,635,290		2,385,876,399	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		5,000,230,450		–	
Pelbagai		–	7,136,865,740	–	2,385,876,399
Jumlah Terimaan			**322,481,684,385**		**302,198,333,726**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI *(sambungan)*

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

		2012		2011	
	Nota	***RM***	***RM***	***RM***	***RM***
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	**5**				
Emolumen		60,015,799,383		50,148,348,527	
Perkhidmatan dan Bekalan		31,962,576,293		28,948,592,637	
Aset		1,769,606,790		2,665,292,177	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		104,451,633,629		92,603,818,793	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		1,466,359,006	199,665,975,101	1,137,741,551	175,503,793,685
Perbelanjaan Pembangunan	**7**				
Langsung		44,978,124,405		44,917,440,271	
Pinjaman		1,954,329,401	46,932,453,806	1,498,922,156	46,416,362,427
Pinjaman	**6**				
Dalam Negeri		61,403,631,379		59,430,119,121	
Luar Negeri		–	61,403,631,379	5,215,700,000	64,645,819,121
Bantuan Luar Negeri	**6**				
Pinjaman Multilateral		95,017,283		106,210,281	
Pinjaman Bilateral		590,443,637	685,460,920	583,837,554	690,047,835
Perbelanjaan Modal	**4**				
Pembelian Instrumen Kewangan		1,205,673,496	1,205,673,496	2,061,487,565	2,061,487,565
Perbelanjaan Amanah	**7**				
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		2,352,521,909		3,584,962,054	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		1,718,428,784		–	
Pelbagai		3,628,489,333	7,699,440,026	6,179,379,456	9,764,341,510
Jumlah Bayaran			**317,592,634,728**		**299,081,852,143**
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			4,889,049,657		3,116,481,583
Wang Tunai Pada 1 Januari			24,466,775,527		21,350,293,944
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			**29,355,825,184**		**24,466,775,527**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

		2012		2011
		Anggaran	Sebenar	Sebenar
	Nota	RM	RM	RM
HASIL	**5**	207,246,482,000	207,912,754,669	185,418,919,743
Tolak :				
Belanja Mengurus	**5**	198,737,824,368	205,537,081,525	182,593,788,338
LEBIHAN HASIL		8,508,657,632	2,375,673,144	2,825,131,405
Tolak :				
Belanja Pembangunan	**7**	51,107,796,358	46,932,453,806	46,416,362,427
KURANGAN KESELURUHAN		**(42,599,138,726)**	**(44,556,780,662)**	**(43,591,231,022)**
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	**6**		43,327,545,911	45,611,224,372
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	**7**		2,634,972,286	1,082,196,256
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(1,405,737,535)	(3,102,189,606)
JUMLAH PEMBIAYAAN			**44,556,780,662**	**43,591,231,022**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

pada 31 Disember 2012

	Nota	2012 RM	2011 RM
MEMORANDUM ASET	**8**		
Pinjaman Boleh Dituntut		95,492,612,803	88,838,070,548
Pelaburan		27,194,316,450	28,834,528,313
MEMORANDUM LIABILITI	**9**		
Hutang Awam		501,616,849,368	456,127,663,265
Pelbagai Liabiliti		275,621,222	241,513,526

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:

   i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.

   ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.

   iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

c) Kerajaan Persekutuan mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:

   i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.

   ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

   iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.

e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.

g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.

h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

a) Penyata Kedudukan Kewangan

b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

c) Penyata Prestasi Kewangan

d) Penyata Akaun Memorandum

e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 ***RM***	***2011*** ***RM***
Wang Tunai Dalam Bank	28,543,129,953	23,788,144,927
Wang Tunai Dalam Perjalanan	810,022,000	676,032,089
Wang Tunai Dalam Tangan	2,673,231	2,598,511
JUMLAH WANG TUNAI	**29,355,825,184**	**24,466,775,527**

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 ***Nilai Buku***		***2011*** ***Nilai Buku***	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ***RM***	**Pelaburan Am** ***RM***	**Pelaburan Kumpulan Wang Amanah** ***RM***	**Pelaburan Am** ***RM***
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	3,488,419,954	-	2,561,909,810	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,238,248,943	-	936,001,984	-
Saham	784,811	5,563,998,987	784,811	5,563,998,987
Deposit Luar Negeri	-	-	75,996,238	-
Deposit Dalam Negeri	8,133,614,560	5,093,996,935	8,502,089,818	4,258,392,284
Pelbagai	528,401,960	1,670,558	942,618,722	1,670,558
Jumlah	13,389,470,228	10,659,666,480	13,019,401,383	9,824,061,829
JUMLAH PELABURAN	**24,049,136,708**		**22,843,463,212**	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan kecuali baki terkumpul sebelum tahun 1996 berjumlah RM11,863,127,086.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012			*2011*	
	Anggaran	*Sebenar*		*Sebenar*	
	RM	*RM*	*% Anggaran*	*RM*	*% Anggaran*
BAKI PADA 1 JANUARI		11,863,127,086		11,863,127,086	
HASIL					
Hasil Cukai	152,493,265,000	151,643,090,263	99.44	134,884,834,173	104.41
Hasil Bukan Cukai	53,386,588,000	54,909,327,554	102.85	49,423,045,556	93.00
Terimaan Bukan Hasil	778,648,000	876,912,254	112.62	544,133,845	99.16
Hasil Wilayah Persekutuan	587,981,000	483,424,598	82.22	566,906,169	112.86
Jumlah Hasil	207,246,482,000	207,912,754,669	100.32	185,418,919,743	101.11
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	55,007,121,376	60,015,799,383	109.11	50,148,348,527	103.10
Perkhidmatan dan Bekalan	32,249,318,322	31,962,576,293	99.11	28,948,592,637	98.94
Aset	1,773,481,727	1,769,606,790	99.78	2,665,292,177	96.97
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	108,182,987,735	**110,322,740,053	101.98	**99,693,813,446	103.70
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,524,915,208	1,466,359,006	96.16	1,137,741,551	95.02
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	198,737,824,368	205,537,081,525	103.42	182,593,788,338	102.59
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	-	2,375,673,144	-	2,825,131,405	-
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	198,737,824,368	207,912,754,669	104.62	185,418,919,743	104.18
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		-		-	
BAKI PADA 31 DISEMBER		**11,863,127,086**		**11,863,127,086**	

Nota: (**) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang. Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah tidak termasuk pindahan Akaun Premium Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM4,000,000,000. Terimaan Bukan Hasil yang dilaporkan juga tidak termasuk pelarasan berjumlah RM4,691,384 yang merupakan terimaan faedah pinjaman daripada Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dan anggaran disemak dan di antara anggaran disemak dan hasil sebenar diterangkan di Laporan Akauntan Negara.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012				*2011*	
	Anggaran Asal	*Anggaran Disemak*	*Sebenar*		*Sebenar*	
	RM	*RM*	*RM*	*% Anggaran*	*RM*	*% Anggaran*
HASIL CUKAI						
Cukai Pendapatan	96,439,457,000	110,687,000,000	110,661,650,993	99.98	96,732,281,191	105.86
Cukai Langsung yang Lain	5,356,108,000	6,138,219,000	6,275,704,263	102.24	5,509,324,333	108.38
Duti Kastam - Eksport	2,114,224,000	2,392,690,000	1,968,396,260	82.27	2,080,732,769	102.07
Duti Kastam - Import	1,784,722,000	2,245,233,000	2,282,000,986	101.64	2,026,228,194	102.52
Duti Eksais	8,632,499,000	8,460,528,000	8,420,127,876	99.52	8,414,785,217	98.31
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	5,211,967,000	5,218,830,000	5,357,975,074	102.67	4,994,746,125	99.10
Cukai Jualan atas Barangan Import	3,714,087,000	3,966,461,000	4,137,589,354	104.31	3,582,702,613	100.50
Cukai Perkhidmatan	5,384,790,000	6,197,484,000	5,583,156,285	90.09	4,981,640,919	100.27
Levi	529,853,000	641,916,000	552,077,479	86.00	919,424,973	114.57

(disambung)

(sambungan)

	2012				2011	
	Anggaran Asal	*Anggaran Disemak*	*Sebenar*		*Sebenar*	
	RM	*RM*	*RM*	*% Anggaran*	*RM*	*% Anggaran*
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	2,743,536,000	3,877,580,000	3,766,622,774	97.14	3,102,383,919	96.27
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,658,585,000	2,667,324,000	2,637,788,919	98.89	2,540,583,920	99.57
Jumlah Hasil Cukai	134,569,828,000	152,493,265,000	151,643,090,263	99.44	134,884,834,173	104.41
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	11,700,539,000	11,819,563,000	13,570,060,603	114.81	11,190,355,535	100.48
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,231,091,000	1,304,584,000	1,217,714,954	93.34	1,320,936,096	111.79
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	412,678,000	659,652,000	637,063,151	96.58	106,808,074	95.46
Sewaan	210,148,000	146,371,000	177,118,352	121.01	197,232,218	94.71
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	33,979,521,000	36,966,537,000	36,736,102,089	99.38	34,005,201,925	89.88
Denda dan Hukuman	1,380,214,000	1,026,904,000	1,007,029,224	98.06	1,190,679,104	86.99
Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	3,073,000	2,423,000	3,821,704	157.73	3,271,035	107.39
Aktiviti Carigali Minyak dan Gas MTJA	1,309,766,000	1,460,554,000	1,560,417,477	106.84	1,408,561,569	108.44
Jumlah Hasil Bukan Cukai	50,227,030,000	53,386,588,000	54,909,327,554	102.85	49,423,045,556	93.00
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	538,049,000	755,708,000	854,809,678	113.11	526,676,716	98.71
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	15,299,000	22,940,000	22,102,576	96.35	17,457,129	115.07
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	553,348,000	778,648,000	876,912,254	112.62	544,133,845	99.16
HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN						
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	445,731,000	503,818,000	392,153,796	77.84	479,208,964	108.59
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	61,623,000	84,163,000	91,270,802	108.45	87,697,205	143.74
Jumlah Hasil Wilayah Persekutuan	507,354,000	587,981,000	483,424,598	82.22	566,906,169	112.86
JUMLAH HASIL	**185,857,560,000**	**207,246,482,000**	**207,912,754,669**	**100.32**	**185,418,919,743**	**101.11**

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus ialah perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan yang terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM104,451,633,629 bagi tahun 2012 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan pelarasan bayaran balik pinjaman Perbadanan Aset Keretapi berjumlah RM10,000,000 dan pindahan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM5,861,106,424.

Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap bagi tahun 2011 berjumlah RM99,693,813,446 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai ini juga telah dinyatakan semula kepada RM92,603,818,793 untuk mengambilkira pelarasan bayaran balik pinjaman Perbadanan Aset Keretapi berjumlah RM20,000,000 dan pindahan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM7,069,994,653.

Perbelanjaan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan yang akan dibentangkan di sesi Parlimen pada tahun berikutnya di bawah Akta Perbekalan Tambahan selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di Laporan Akauntan Negara. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012			
	Anggaran Asal RM	*Anggaran Dipinda RM*	*Sebenar RM*	*% Anggaran*
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,532,900	13,532,900	13,310,522	98.36
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,319,900	1,813,100	1,813,091	100.00
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	100,781,000	100,781,000	86,055,063	85.39
T. 04 Ketua Audit Negara	695,000	695,000	573,771	82.56
T. 05 Yang Dipertua Dewan Rakyat	1,264,000	1,264,000	1,175,017	92.96
T. 06 Yang Dipertua Dewan Negara	1,436,000	1,436,000	1,162,610	80.96
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	1,253,000	1,612,200	1,649,476	102.31
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan	23,200	23,200	6,405	27.61
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	7,755,000	7,755,000	4,324,134	55.76
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	5,333,200	5,333,200	3,442,024	64.54
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	622,100	813,400	708,870	87.15
T. 12 Perbendaharaan	4,159,719,600	4,159,719,600	4,067,298,555	97.78
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	20,452,896,200	20,452,896,200	19,537,385,599	95.52
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	10,542,255,100	12,577,605,100	12,542,333,145	99.72
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	35,288,886,200	37,325,279,900	36,261,238,282	97.15
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Parlimen	82,252,800	82,252,800	82,252,396	100.00
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,908,300	1,908,300	1,703,823	89.28
B. 03 Jabatan Audit Negara	146,879,100	146,879,100	146,879,016	100.00
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	45,342,000	465,342,000	95,255,187	20.47
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	51,617,500	51,617,500	51,617,487	100.00
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	5,739,550,700	6,219,399,298	6,219,399,158	100.00
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	2,036,467,900	2,186,467,900	2,186,467,805	100.00
B. 08 Jabatan Peguam Negara	190,702,700	190,702,700	183,692,399	96.32
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	211,288,500	211,288,500	211,288,475	100.00
B. 10 Perbendaharaan	2,596,990,400	2,896,990,400	2,888,885,924	99.72
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	27,066,056,500	38,298,056,500	41,646,559,826	108.74
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	3,485,433,300	3,485,433,300	**5,861,106,424	168.16
B. 13 Kementerian Luar Negeri	607,445,000	607,445,000	616,492,301	101.49
B. 20 Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,797,950,700	1,797,950,700	1,738,936,221	96.72
B. 21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	3,726,480,600	3,742,480,600	3,742,480,434	100.00
B. 22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,219,158,600	5,225,158,600	5,225,146,134	100.00
B. 23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,014,199,200	1,030,227,200	1,030,226,777	100.00
B. 24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	555,972,300	623,952,300	615,747,435	98.69
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	941,898,200	1,345,990,200	1,252,085,575	93.02
B. 27 Kementerian Kerja Raya	2,086,041,000	2,531,844,000	2,521,684,772	99.60
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,134,397,300	1,136,397,300	1,114,158,818	98.04
B. 29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	131,636,100	135,346,100	129,836,414	95.93
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	775,204,300	785,204,310	775,676,601	98.79
B. 31 Kementerian Pelancongan	702,960,200	723,410,200	717,492,817	99.18
B. 32 Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	377,301,400	377,301,410	370,069,054	98.08
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	18,529,400	18,529,400	16,801,301	90.67
B. 41 Kementerian Pelajaran	32,698,787,200	32,893,787,200	36,285,923,685	110.31
B. 42 Kementerian Kesihatan	14,998,120,400	15,150,670,410	16,807,971,890	110.94
B. 43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,626,635,500	1,626,635,510	1,626,634,906	100.00
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	479,388,400	491,388,400	491,388,061	100.00
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	652,319,900	691,636,930	691,636,282	100.00
B. 47 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	1,783,616,500	1,821,316,500	1,820,096,770	99.93
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,808,454,800	1,954,684,800	1,954,686,190	100.00
B. 49 Kementerian Pengajian Tinggi	10,642,188,100	10,642,188,100	10,642,153,358	100.00
B. 60 Kementerian Pertahanan	10,945,926,100	11,155,926,100	11,155,925,508	100.00
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	9,916,012,900	10,666,734,900	10,733,157,163	100.62
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	146,295,113,800	161,412,544,468	171,651,516,387	106.34
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	**181,584,000,000**	**198,737,824,368**	**207,912,754,669**	**104.62**

Nota: (**) - Termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM2,375,673,144

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Pinjaman Dalam Negeri termasuk pinjaman bagi membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Bayaran faedah pinjaman dan kos-kos lain untuk mendapatkan pinjaman tidak diakaun ke Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM19,537,385,599 seperti di Nota 5(b).

Semua baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun kecuali baki bersih berjumlah RM28,904,795,292.

Bantuan Luar Negeri yang belum diterima pada 31 Disember 2012 bagi membiayai projek pembangunan adalah berjumlah RM1,503,480,145 (2011 - RM2,563,921,396).

Bayaran balik Pinjaman Bilateral tahun 2012 berjumlah RM590,443,637 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai berbeza disebabkan urus niaga bukan tunai berjumlah RM12,126,567 yang dibuat melalui pelarasan Bantuan Luar Negeri. Bayaran balik Pinjaman Bilateral tahun 2011 berjumlah RM596,867,056 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai juga telah dinyatakan semula kepada RM583,837,554 untuk mengambil kira pelarasan urus niaga bukan tunai berjumlah RM13,029,502.

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM43,327,545,911 di Penyata Prestasi Kewangan untuk tahun 2012 ialah terimaan bersih tahun semasa tidak mengambil kira baki awal berjumlah RM38,909,479,613 dan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM3,400,000,000.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	38,909,479,613	26,068,545,555
Terimaan	102,645,229,672	99,991,588,179
Bayaran	(59,303,631,379)	(54,930,119,121)
Baki pada 31 Disember	82,251,077,906	71,130,014,613
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan		
Terimaan	5,500,000,000	7,100,000,000
Bayaran	(2,100,000,000)	(4,500,000,000)
Baki pada 31 Disember	3,400,000,000	2,600,000,000
Luar Negeri		
Terimaan	-	5,960,800,000
Bayaran	-	(5,215,700,000)
Baki pada 31 Disember	-	745,100,000
Jumlah Pinjaman pada 31 Disember	85,651,077,906	74,475,114,613
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral		
Terimaan	91,016,051	33,518,605
Bayaran	(95,017,283)	(106,210,281)
Baki pada 31 Disember	(4,001,232)	(72,691,676)
Pinjaman Bilateral		
Terimaan	592,519,054	474,214,046
Bayaran	(602,570,204)	(596,867,056)
Baki pada 31 Disember	(10,051,150)	(122,653,010)
Jumlah Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	(14,052,382)	(195,344,686)
Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	85,637,025,524	74,279,769,927
Pindahan Ke		
Kumpulan Wang Pembangunan	(53,332,230,232)	(32,770,290,314)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	(3,400,000,000)	(2,600,000,000)
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	**28,904,795,292**	**38,909,479,613**

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dengan debit berjumlah RM279,961,586,353 dan kredit berjumlah RM279,267,283,017. Akaun penyelesaian ini mengakaunkan urus niaga bagi Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun-akaun lain yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Pelbagai Perbelanjaan Amanah yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM3,628,489,333 merupakan baki bersih Akaun Amanah tidak termasuk Kumpulan Wang Pembangunan dan pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pelbagai Perbelanjaan Amanah ini juga telah dinyatakan semula kepada RM6,179,379,456 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Tahun 2011.

Mulai tahun 2012, pelaporan Perbelanjaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai telah disusun semula dan ditunjukkan di bawah Perbelanjaan Amanah.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	Baki pada 01.01.2012 (Debit)/Kredit	***Debit***	***Kredit***	***Baki pada 31.12.2012 (Debit)/Kredit***
	RM	***RM***	***RM***	***RM***
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(55,235,001,113)	46,945,799,332	58,356,221,189	(43,824,579,256)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,908,324,534	10,961,105,335	10,568,301,237	1,515,520,436
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	34,554,927,065	295,201,452,952	296,398,507,887	35,751,982,000
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(18,771,749,514)	353,108,357,619	365,323,030,313	(6,557,076,820)
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas	617,929,977	172,923,278	192,785,973	637,792,672
Kumpulan Wang Amanah Am	5,701,912,589	8,655,946,515	12,055,878,776	9,101,844,850
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	6,319,842,566	8,828,869,793	12,248,664,749	9,739,637,522
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	8,690,055,757	2,096,191,153	2,561,346,007	9,155,210,611
Deposit Pelarasan	299,483,231	1,608,491,193	1,608,276,163	299,268,201
Jumlah Akaun Deposit	8,989,538,988	3,704,682,346	4,169,622,170	9,454,478,812
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	**(3,462,367,960)**	**365,641,909,758**	**381,741,317,232**	**12,637,039,514**

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini dan pelbagai terimaan. Pelbagai terimaan bagi tahun 2012 adalah termasuk terimaan modal berjumlah RM1,500,000,000.

Terimaan Balik Pinjaman Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2012 berjumlah RM1,058,991,393 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai berbeza disebabkan urus niaga bukan tunai berjumlah RM26,981,704 yang dibuat melalui pelarasan pinjaman Perbadanan Aset Keretapi, Pinjaman Luar Negeri dan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara.

Terimaan Balik Pinjaman Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2011 berjumlah RM866,221,436 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai juga telah dinyatakan semula kepada RM833,191,934 untuk mengambilkira semua pelarasan urusniaga bukan tunai berjumlah RM33,029,502.

Kurangan Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM43,824,579,256 disebabkan baki bersih pinjaman belum dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
BAKI PADA 1 JANUARI	(55,235,001,113)	(45,496,256,660)
TERIMAAN		
Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan	2,375,673,144	2,825,131,405
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	53,332,230,232	32,770,290,314
Terimaan Balik Pinjaman	1,085,973,097	1,081,971,436
Terimaan Balik Pendahuluan	29,400,000	-
Jualan Aset Modal	89,869	91,433
Pelbagai Terimaan	1,519,509,321	133,387
Jumlah Terimaan	58,342,875,663	36,677,617,974
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	(44,978,124,405)	(44,917,440,271)
Pinjaman	(1,954,329,401)	(1,498,922,156)
Jumlah Bayaran	(46,932,453,806)	(46,416,362,427)
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	11,410,421,857	(9,738,744,453)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**(43,824,579,256)**	**(55,235,001,113)**

(ii) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuh di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42] bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam, Pihak Berkuasa Tempatan serta kepada Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah yang diterima.

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
BAKI PADA 1 JANUARI	1,908,324,534	3,213,459,959
TERIMAAN		
Pinjaman Perseorangan		
Bayaran Balik Pinjaman Perseorangan	1,266,040,286	1,106,261,314
Pembiayaan		
Pelbagai Pembiayaan	5,500,000,000	7,100,000,000
Pendapatan Faedah		
Bayaran Balik Faedah Pinjaman Perseorangan	1,169,642,131	995,035,013
Akaun Pensekuritian		
Kutipan Bayaran Balik Akaun Pensekuritian	2,300,118,669	2,435,028,308
Peruntukan Diskaun Pensekuritian	342,237,619	342,237,619
Pelbagai	10,458,990	6,127,217
Jumlah Terimaan	10,588,497,695	11,984,689,471

(disambung)

(sambungan)

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
BAYARAN		
Pinjaman Perseorangan		
Pengeluaran Pinjaman Perseorangan	(6,488,768,940)	(6,306,896,491)
Pembiayaan		
Bayaran Balik Pelbagai Pembiayaan	(2,100,000,000)	(4,500,000,000)
Akaun Pensekuritian		
Serahan Kutipan Akaun Pensekuritian	(2,371,333,558)	(2,455,825,270)
Bayaran Lain Akaun Pensekuritian	(21,199,295)	(27,103,135)
Jumlah Bayaran	(10,981,301,793)	(13,289,824,896)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**1,515,520,436**	**1,908,324,534**

(iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	17,374,952	16,395,143
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	19,894,103,364	20,588,406,699
Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri	100,000,000	100,000,000
Jumlah Akaun Penyelesaian	20,011,478,316	20,704,801,842
AKAUN PERNIAGAAN		
Stor dan Woksyop Belum Diuntukkan	79,155,435	78,959,835
Jumlah Akaun Perniagaan	79,155,435	78,959,835
AKAUN PINJAMAN		
Kontraktor	7,082,337	8,616,423
Kredit Kerjasama	15,037,189	15,037,189
Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi	133,160,698	191,753,670
Pembangunan Ekonomi Belia	5,891,017	1,895,025
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	110,189,417	111,675,149
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	104,912,700	106,013,039
Pendahuluan Pelbagai	55,390,714	55,042,544
Pendahuluan Peti Sejuk Sarawak	620,000	620,000
Pendahuluan Untuk Negeri	156,518,645	302,641,280
Pinjaman Diraja	2,500,000	2,500,000
Pinjaman Kenderaan	667,091,673	666,826,554
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	3,896,691,838	3,402,423,934
Pinjaman Perumahan kepada Golongan Pendapatan Rendah	38,161,652	33,573,560
Rakyat Malaysia di Luar Negeri	1,044,139	1,008,229
Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	466,923,259	455,344,123
Jumlah Akaun Pinjaman	5,661,215,278	5,354,970,719
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	176,414,332	117,197,110
Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka	176,414,332	117,197,110

(disambung)

(sambungan)

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
PELBAGAI KUMPULAN WANG		
Amanah Negara	5,653,917,035	4,804,902,567
Amanah Pelajar Miskin	478,656,172	471,582,212
Amanah Sukan Negara	577,000	10,435,878
Bantuan Bencana Negara	184,315,891	132,205,660
Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	281,000	335,800
Cadangan Untuk Negeri	349,618,591	230,391,662
Kebajikan dan Kemudahan bagi Penuntut di Luar Negeri	2,776,212	3,286,540
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	40,000,000	-
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	2,566,381	3,235,048
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	125,064,112	65,498,209
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	1,000,000	-
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara	1,520,646	1,075,797
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	816,477,428	955,590,216
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras	43,075,662	46,056,666
Kumpulan Wang Amanah Projek dan Pengukuran Sempadan Bersama Di antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	3,840,995	1,553,561
Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia	1,016,170	1,317,538
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	13,030,550	12,774,394
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	4,130,965	3,301,274
Kursi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	794	794
Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN)	2,841,407	2,546,001
Penjelas Hutang	213,528,635	206,715,154
Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	64,092,032	69,204,562
Perpustakaan Negara	1,102,027	1,343,327
Program Perumahan Rakyat Dimiliki	504,485,840	617,769,870
Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	923,996	918,618
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	17,834,331	19,554,231
Tabung Bayaran Balik Cukai	1,274,862,121	610,975,797
Tabung Inovasi Negara Berhad (KWATIN)	22,095,535	26,289,411
Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	87,111	136,772
Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang	9,823,718,639	8,298,997,559
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	**35,751,982,000**	**34,554,927,065**

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta adalah Kumpulan Wang Amanah Awam yang bertujuan untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
AMANAH KHAS		
Kumpulan Wang Dius Api	253,864,042	233,365,760
Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	219,781,848	217,674,942
Akaun Amanah Khas Warisan	34,602,459	36,827,784
Pelbagai Amanah Khas	129,544,323	130,061,491
Jumlah Amanah Khas	637,792,672	617,929,977
AMANAH AM		
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	3,281,801,666	-
Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	3,022,437,903	3,238,324,521
Akaun Amanah Dana Khas	585,398,831	394,775,310
Akaun Amanah Membangun/Menaiktaraf Sistem Pembetungan untuk Pembangunan Baru	538,117,683	597,912,481
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	425,086,933	414,098,864
Pelbagai Amanah Am	1,249,001,834	1,056,801,413
Jumlah Amanah Am	9,101,844,850	5,701,912,589
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	**9,739,637,522**	**6,319,842,566**

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 (Debit)/Kredit RM	*2011 (Debit)/Kredit RM*
DEPOSIT AM		
Kawalan Wang Tak Dituntut	2,798,393,775	2,430,080,705
Deposit Wang Tak Dituntut	1,743,403,330	1,747,344,932
Wang Jaminan Pelaksanaan	1,593,072,799	1,673,641,083
Harta Kebangkrapan	1,038,002,924	929,171,695
Deposit Mahkamah Tinggi	805,178,606	669,797,188
Pelbagai Deposit Am	1,177,159,177	1,240,020,154
Jumlah Deposit Am	9,155,210,611	8,690,055,757
DEPOSIT PELARASAN		
Pembatalan Bayaran EFT	148,874,654	92,990,934
Deposit Pelarasan Cek Terbatal	69,966,536	88,839,725
Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	41,822,808	99,407,201
Bayaran Kepada Commerce Dot Com (CDC)	23,904,735	18,245,371
Pelbagai Deposit Pelarasan	14,699,468	-
Jumlah Deposit Pelarasan	299,268,201	299,483,231
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	**9,454,478,812**	**8,989,538,988**

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Perseorangan dan Pelbagai.

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2012.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	2012 RM	*2011 RM*
Kerajaan Negeri	15,722,068,018	16,820,200,196
Pihak Berkuasa Tempatan	502,753,742	500,001,908
Badan Berkanun	14,026,666,610	12,396,058,833
Koperasi	197,473,124	195,462,764
Syarikat	25,525,549,127	24,744,191,014
Perseorangan	36,565,906,580	31,346,545,405
Pelbagai	2,952,195,602	2,835,610,428
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	**95,492,612,803**	**88,838,070,548**

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Pertambahan pegangan saham bagi UDA Holdings Berhad (UDA) berjumlah 118,140,000 unit saham biasa @ RM118,140,000 (RM1/ unit) adalah disebabkan pindahan keseluruhan saham syarikat Dataran Perdana Sdn Bhd (DPSB) yang berjumlah 66,000,000 unit saham biasa kepada UDA secara *share swap* pada nilai RM1.79 sesaham berkuatkuasa pada 16 Ogos 2012.

Nilai Buku tahun 2011 berjumlah RM28,222,949,922 telah dinyatakan semula kepada RM28,834,528,313 untuk mengambilkira amaun pengambil alihan saham UDA oleh MKD sebanyak 176,577,186 unit @ RM529,731,558 (RM3/ unit) yang dibuat melalui *set off* pembayaran dividen oleh Khazanah Nasional Berhad kepada Kerajaan; pelarasan pertambahan nilai buku bagi pegangan saham dalam Malaysia Debt Ventures Berhad sebanyak RM150,000,000; pelarasan pengurangan nilai buku sebanyak RM54,000,000 bagi Khazanah Nasional Berhad; dan pengurangan amaun nilai buku sebanyak RM14,153,167 bagi penjualan saham KLIA Consultancy Services Sdn Bhd, Malaysian Resources Corporation Berhad dan Media Prima Berhad yang telah selesai dalam tahun 2011.

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2012.

Pelaburan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

	Nilai Buku	
	2012 ***RM***	***2011*** ***RM***
Syarikat	25,936,889,345	27,577,101,208
Badan Berkanun	1,218,852,876	1,218,852,876
Agensi Antarabangsa	38,574,229	38,574,229
JUMLAH PELABURAN	**27,194,316,450**	**28,834,528,313**

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

